



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

20 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 26 Syaaban 1441H bersamaan 20 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **1 kes aktif** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 116 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **21 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **138 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,408 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 161 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,633 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes sedemikian telah dikesan pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini ialah kekal sebanyak 18 orang di mana 13 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Setakat 7 April 2020, sebanyak 1,001 ujian COVID-19 rambang bagi tujuan surveilans telah dijalankan kepada pekerja warga asing yang mana keputusannya adalah semua negatif. Di samping itu, sebagai langkah berjaga-jaga, bermula 16 April 2020 Kementerian Kesihatan juga telah menjalankan ujian COVID-19 kepada banduan-banduan di

dalam semua institusi penjara dan penghuni Pusat Pemulihan Al-Islah termasuk bagi mereka yang baru masuk ke fasiliti-fasiliti tersebut bagi tujuan surveilan. Setakat ini, Alhamdulillah, semua keputusan ujian adalah negatif. Pihak Kementerian Kesihatan akan meneruskan ujian surveilans seperti ini dari semasa ke semasa.

7. Seterusnya, berikutan dengan kenyataan semalam mengenai larangan untuk membuat aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, terutama sekali di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasek-tasek, Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa pihak Kementerian Kesihatan tidak ada halangan bagi orang ramai untuk mengunjungi tempat-tempat beriadah tersebut akan tetapi orang ramai hendaklah mematuhi segala arahan-arahan dan nasihat pihak Kerajaan. Ini termasuklah mempraktikkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter daripada orang sekeliling dan tidak membuat kegiatan secara berkumpulan ramai. Orang ramai perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan seperti tidak mengunjungi tempat-tempat beriadah jika merasa kurang sihat, mengelakkan daripada berkumpul atau melepak sebelum, semasa dan sesudah membuat kegiatan fizikal serta segera

beredar setelah selesai, mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran serta mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 26 Syaaban 1441H / 20 April 2020